



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BILANGAN : IKLAN 07/2020**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38(a)
DALAM PERKHIDMATAN AWAM**

Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam sahaja.

**AHLI KAJI PENYAKIT TUMBUHAN KANAN (B.3)
JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan-Jabatan Kerajaan sahaja.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.



**1. AHLI KAJI PENYAKIT TUMBUHAN KANAN
JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
B.3 (\$3,880 - \$4,240 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Biologi khusus dalam bidang Bakteriologi Tanaman / Mikologi Tanaman / Virologi Tanaman / Pertanian / Sains Tanaman atau dalam bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

- i) Telah berkhidmat di Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji B.2 EB.3 tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- ii) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji B.2 EB.3 tidak kurang dari 6 tahun.

- b) i) Bagi yang tidak mempunyai Ijazah, hendaklah telah berkhidmat di Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji B.2 tidak kurang dari 8 tahun.

ATAU


- ii) Bagi yang tidak mempunyai Ijazah, hendaklah telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji B.2 tidak kurang dari 9 tahun.

2. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.




TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Mengetahui undang-undang dan peraturan garispandu dan piawaian berkaitan dengan Perlindungan Tanaman khususnya dalam bidang Penyakit Tanaman di dalam negeri dan antarabangsa seperti *SPS* dan *IPPC*.
2. Membuat laporan, risalah-risalah dan dokumentasi penyakit tanaman dan pengumpulan data maklumat (*Database*) untuk rujukan.
3. Mengendalikan kursus dan latihan mengenai penyakit tanaman serta kaedah pengawalan kepada kakitangan Jabatan dan peladang
4. Menyelaras dan mengendali kerja-kerja diagnostik dan pencaman yang berkaitan dengan penyakit tanaman padi, sayur-sayuran, buah-buahan dan lain-lain tanaman di ladang terutama disebabkan oleh fungi, bakteria, nematod dan virus.
5. Membuat dan menyediakan kertas kerja projek mengenai pengawalan dan pengurusan penyakit tanaman utama dan bertanggungjawab ke atas pelaksanaan projek.
6. Merancang, menyelaras dan melaksana kerja-kerja mengemaskinikan dan peningkatan koleksi herbarium dan kultur, kerja-kerja diagnostik dan pencaman yang terkini menggunakan teknik *ELISA*, *BIOLOG* dan *PCR* di Unit Patologi Tanaman, Bahagian Perlindungan Tanaman.
7. Memberi khidmat nasihat kepakaran dan syor-syor kawalan dan teknologi terkini yang berkaitan dengan pengawalan dan pengurusan penyakit tanaman.
8. Merancang, menyelaras dan melaksana program Pengurusan Musuh Bersepadu (IPM) tanaman padi, sayur-sayuran, buah-buahan dan tanaman-tanaman ladang yang lain.
9. Merancang, menyelaras dan melaksana kerja-kerja pemantauan dan kawal selia penyakit tanaman yang utama termasuk di dalam negeri yang masuk melalui Pos-Pos Kawalan dan juga pemeriksaan komoditi tanaman yang hendak dieksport.



10. Merancang, menyelaras dan melaksana program-program latihan mengenai pengurusan penyakit tanaman padi, sayur-sayuran, buah-buahan dan tanaman-tanaman ladang dan kaedah-kaedah kawalannya termasuk kaedah Amalan Pertanian Baik (*Good Agricultural Practice*) kepada kakitangan Jabatan dan peladang,
11. Menjalankan tugasan *Pest Risk Assessment* bagi penilaian komoditi-komoditi tanaman yang diimport dan dieksport.
12. Menjalankan tugasan penilaian *Maximum Residue Level (MRL)* bagi komoditi tanaman yang dianalisa oleh Kementerian Kesihatan.
13. Hendaklah bersedia bertugas pada bila-bila masa termasuk di luar waktu pekerjaan biasa dan di mana-mana sahaja dikehendaki sebagaimana diarahkan.
14. Menjalankan tugas-tugas yang diarahkan oleh Ketua Pejabat dari semasa ke semasa.



Senarai semak sebelum memohon jawatan kosong dalam Bahagian II

Sila pastikan maklumat-maklumat berikut hendaklah **lengkap dan di muat naik** ke dalam Profil awda sebelum menekan butang '**Apply**';



Kad pengenalan dan Lesen Memandu (jika berkenaan).


	From (Years)	To (Years)	Date of Certificate	Upload File
	2016	2016	25/8/2016	Kad Pengenalan.pdf
	2016	2016	25/8/2016	Lesen Memandu.pdf



SIJIL Degree (Ijazah Sarjana Muda) serta **KELULUSAN TRANSKRIP** yang dikehendaki oleh Skim Iklan dan **PENGESAHAN PENGIFTIRAFAN KELULUSAN** (MKPK) bagi kelulusan Institusi Pengajian Swasta dan Institusi dari luar negeri.

	From (Years)	To (Years)	Date of Certificate	Upload File
	2016	2016	25/8/2016	PHD.pdf
	2016	2016	25/8/2016	MASTER.pdf
	2016	2016	25/8/2016	DEGREE.pdf
	2016	2016	25/8/2016	HND.pdf
	2016	2016	25/8/2016	HNC.pdf
	2016	2016	25/8/2016	ND.pdf

Hendaklah ada maklumat bidang kelulusan ('field') seperti contoh Business Administration di ruangan yang tersembunyi dengan menekan tanda "+" disebalahan kiri diruangan Bachelor of Arts. jika sekiranya belum diisikan maklumat bidang ('field'), sila tekan tanda "+add" dibawah kelulusan tersebut dan seterusnya menaip bidang awda seperti contoh Business Administration, Employment Relation dan sebagainya.



		Title of Examination	University/College	Result of Examination	Upload File
-		BACHELOR OF ARTS	Universiti Brunei Darussalam	PASS	DEGREE.pdf
		Field			
		BUSINESS ADMINISTRATION			
		+ Add			



Bagi pemohon yang memenuhi syarat pengalaman sahaja, pastikan mempunyai pengalaman sepertimana kehendak skim dan seterusnya memastikan **SIJIL Kelulusan Tertinggi** yang diperolehi berserta **KELULUSAN TRANSCRIPT** (jika berkenaan) dan **PENGESAHAN PENGIFTIRAFAN** kelulusan (MKPK) bagi kelulusan Institusi Pengajian Swasta dan Institusi dari luar negeri.



Bagi pemohon yang sedang berkhidmat dengan kerajaan, pastikan di dalam profil awda terdapat ruangan "Current Government Employee"/"Warga Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam". Jika sekiranya tidak ada, pemohon hendaklah memaklumkan kepada POC (Kementerian/Jabatan) dan seterusnya POC (Kementerian /Jabatan) akan memaklumkan kepada POC (SPA).

My Profile

Working Experience

Public and Ex-Government Employee

Current Government Employee

	Start Date	To Date	Name And Address of Employer
	01/02/2015		PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office
	01/02/2015	31/01/2016	PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office
	01/02/2014	31/01/2015	PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office

